The United Malacca Rubber Estates Bhd lwn Pentadbir Tanah Alor Gajah

MAHKAMAH TINGGI (MELAKA) — USUL PEMULA NO 25–88 TAHUN 2006
ABU SAMAH NORDIN H
8 JUNE 2007

Acara Sivil — Penghinaan mahkamah — Perintah komital, permohonan untuk mendapat kebenaran — Responden dikatakan gagal mematuhi perintah mahkamah — Perintah untuk award tambahan dalam pampasan pengambilan tanah — Sama ada terdapat penyerahan perintah mahkamah — Sama ada perintah mahkamah mengenai bayaran faedah adalah jelas

Acara Sivil — Penghinaan mahkamah — Prosiding komital — Pernyataan iaitu nama dan perihal pemohon tidak mencukupi — Sama ada perintah patut diberikan — Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 52 k 2(2)

Ini ialah permohonan oleh pemohon di bawah A 52 dan/atau A 92 k 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') untuk mendapatkan kebenaran untuk membuat permohonan bagi perintah komital terhadap responden, berikutan dari keengganan responden mematuhi perintah Mahkamah Tinggi Melaka bertarikh 20 Ogos 1999. Pemohon adalah, pada masa yang material, pemilik berdaftar sebidang tanah. Sebahagian daripada tanah tersebut telah diambil balik oleh responden di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk satu projek. Sebagai balasan, responden telah menawarkan pampasan atau award sebanyak RM4,180,460. Tidak berpuashati dengan amaun award tersebut pemohon memfailkan bantahan terhadap keputusan responden dengan membuat rujukan kepada MahkamahTinggi di bawah s 38 Akta Pengambilan Tanah 1960. Pada 20 Ogos 1999 Mahkamah Tinggi Melaka telah membenarkan sebahagian daripada bantahan pemohon dan memerintahkan responden membayar award tambahan berjumlah sebanyak RM744.990.34 sen. Mahkamah Tinggi juga memerintahkan responden membayar faedah pada kadar 8% ke atas award tambahan tersebut. Pemohon mendakwa bahawa responden telah mempunyai notis yang secukupnya mengenai perintah tersebut tetapi masih enggan mematuhinya

Diputuskan, menolak permohonan pemohon tanpa kos:

(1) Salah satu perkara yang asas, yang wajib dipatuhi dan perlu dinyatakan di dalam pernyataan di bawah A 52 k 2(2) KMT ialah nama dan perihal pemohon; nama, perihal dan alamat responden. Mahkamah berpendapat pernyataan yang difailkan oleh pemohon tidak mematuhi kehendak A 52 k 2(2) kerana ia tidak langsung menyatakan, 'the name and description of the applicant, the name, description and address of the person sought to be committed'. Butir-butir ini adalah mandatori dan mestilah dinyatakan di dalam pernyataan tersebut dan bukan dengan hanya menamakan United Malacca Rubber Estates Bhd sebagai pemohon dan Pentadbir Tanah Alor Gajah sebagai responden (lihat perenggan 4–5).

(2) Mahkamah juga berpendapat bahawa tidak ada sebarang surat kepada responden yang dieksibitkan sebagai bukti bahawa salinan perintah mahkamah tersebut telah diserahkan kepada responden. Perintah mahkamah tersebut hendaklah diserahkan kepada responden terlebih dahulu sebelum responden boleh dikatakan mempunyai niat dengan sengaja mengingkari perintah mahkamah tersebut. Penyerahan perintah mahkamah ini adalah perlu memandangkan asas permohonan pemohon ialah bahawa responden enggan membayar award tambahan dan dengan itu telah melakukan penghinaan kepada mahkamah (lihat perenggan 6–7).

(3) Perintah mahkamah mengenai bayaran faedah iaitu 'pada kadar 8% dikenakan atas kenaikan sebanyak tiga bulan dari tarikh penyampaian award' adalah tidak jelas, mengelirukan dan sukar difahami. Pemohon sepatutnya membetulkan kecacatan di dalam perintah tersebut dahulu dengan membuat pindaan sewajarnya sebelum membuat permohonan ini (lihat perenggan 9(1)(iii)).

(4) Perintah mahkamah di dalam kes ini juga tidak menetapkan tempoh masa bagi responden membuat bayaran award tambahan tersebut. Permohonan ini sendiri difailkan hampir tujuh tahun selepas penghakiman dibuat. Oleh itu permohonan ini adalah di luar skop A 45 k 5 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 (lihat perenggan 9(2)(iii)).

[English summary

This was an application by the applicant pursuant to O 52 and/or O 92 r 4 of the Rules of the High Court 1980 ('RHC') for leave to apply for a committal order against the respondent, following the refusal of the respondent to abide by the Melaka high court order dated 20 August 1999. The applicant, was at all material time, the registered owner of a piece of land.

Part of the said land was acquired by the respondent pursuant to the Land Acquisition Act 1960 for a project. As consideration, the respondent was offered compensation or awarded an amount of RM4,180,460. Dissatisfied with the amount awarded the applicant filed an objection against the decision of the respondent with a reference to the high court pursuant to s 38 Land Acquisition Act 1960. On 20 August 1999 the high court of Melaka allowed part of the applicant's objection and ordered that the respondent to pay an additional award amounting to RM744.990.34. The high court also ordered that the respondent paid interests at the rate of 8% above the additional award. The applicant alleged that the respondent had sufficient notice of the said order but had refused to obey it

Held, dismissing applicant's application without costs:

(1) One of the main matter, which was mandatory and ought to be stated in the statement under O 52 r 2(2) of the RHC was the name and description of the applicant; name, description and the respondent's address. The court was of the opinion that the statement filed by the applicant did not follow the requirement of O 52 r 2(2) as it did not in any way state, the name and description of the applicant, the name, description and address of the person sought to be committed. The details were mandatory and must be stated in the statement and not just named United Malacca Rubber Estates Bhd as the applicant and Pentadbir Tanah Alor Gajah as the respondent (see paras 4–5).

(2) The court was also of the opinion that there were no letters to the respondent exhibited as proof that a copy of the court order was served on the respondent. The court order must be served on the respondent first before the respondent could be said to intentionally breach the court order. The service of the court order was necessary as the basis of the application by the applicant was that the respondent had refused to pay the additional award and that thus in contempt of court (see paras 6–7).

(3) The court order imposed an interest which was 'pada kadar 8% dikenakan atas kenaikan sebanyak tiga (3) bulan dari tarikh penyampaian award' which was unclear, confusing and difficult to understand. The applicant should have corrected the said order first by making the necessary amendment before making this application (see paras 9(1)(iii)).

(4) The court order in this case also had not stated the time period for the respondent to pay the additional award. The application itself was filed

A almost seven years after the judgment. Therefore the application was outside the scope of O 45 r 5 of the Rules of the High Court 1980 (see paras 9(2)(iii)).]

Nota-nota

B Untuk kes-kes permohonan untuk perintah komital, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 1822–1840.

Untuk kes-kes prosiding komital, lihat 2(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2007 Reissue) perenggan 1767–1792.

C **Kes-kes yang dirujuk**

Arthur Lee Meng Kwang v Faber Merlin (M) Bhd & Ors [1986] 2 MLJ 193 (dirujuk)

Kesatuan Pekerja-Pekerja Perusahaan Dunlop Malaysia v Md Jaafar [1988] 2 MLJ 244 (dirujuk)

D *Re M* [1993] 3 WLR 433 (dibeza)

Syarikat M Mohamad v Mahindapal Singh v Ors [1991] 2 MLJ 112 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Pengambilan Tanah 1960 s 38

E Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 45, A 52, A 92 k 4

G Rajasingam (Daphne Khoo bersama-sama beliau) (Shearn Delamore & Co) bagi pihak pemohon.

Abu Samah Nordin H (sekarang HMR):

F

[1] Ini ialah permohonan oleh pemohon di bawah A 52 dan/atau A 92 k 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT') untuk mendapatkan kebenaran untuk membuat permohonan bagi perintah komital terhadap
G responden, berikutan dari keengganan responden mematuhi perintah Mahkamah Tinggi Melaka bertarikh 20 Ogos 1999.

[2] Secara ringkas fakta kes adalah seperti berikut:

H (i) Pemohon adalah, pada masa yang material, pemilik berdaftar tanah yang dipegang di bawah Lot 2 dan 95 Mukim Melaka Pindah, Daerah Alor Gajah, Melaka

(ii) Sebahagian daripada tanah tersebut, iaitu seluas 160.347 ekar telah diambil balik oleh responden di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960 untuk projek yang dikenali sebagai 'Projek Pembangunan Wawasan', di Alor Gajah, Melaka.
I

(iii) Sebagai balasan, responden telah menawarkan pampasan atau award sebanyak RM4,180,460. Wang tersebut telah dibayar tetapi tidak termasuk faedah bayaran lewat yang telah meningkat kepada RM396,742.83 sen.

(iv) Pemohon bagaimanapun tidak berpuashati dengan amaun award tersebut dan telah memfailkan bantahan terhadap keputusan responden dengan membuat rujukan kepada Mahkamah Tinggi di bawah s 38 Akta Pengambilan Tanah 1960.

(v) Pada 20 Ogos 1999 Mahkamah Tinggi Melaka telah membenarkan sebahagian daripada bantahan pemohon dan memerintahkan responden membayar award tambahan berjumlah sebanyak RM744.990.34 sen bagi tanah yang dipegang di bawah Lot 2, seluas 100.003 ekar. Mahkamah Tinggi juga memerintahkan responden membayar faedah tambahan tersebut, pada kadar 8% ke atas award. Pemohon mendakwa bahawa responden telah mempunyai notis yang secukupnya mengenai perintah tersebut tetapi masih enggan mematuhinya

[3] Prosiding komital adalah bersifat 'quasi criminal' dan ia melibatkan kebebasan seseorang. Oleh itu segala kehendak-kehendak prosedur di bawah A 52 KMT hendaklah dipatuhi dengan ketatnya: lihat *Arthur Lee Meng Kwang v Faber Merlin (M) Bhd & Ors* [1986] 2 MLJ 193; *Kesatuan Pekerja-Pekerja Perusahaan Dunlop Malaysia v Md Jaafar* [1988] 2 MLJ 244; *Syarikat M Mohamad v Mahindapal Singh & Ors* [1991] 2 MLJ 112. KC Vohrah H di dalam kes *Syarikat M Mohamad v Mahindapal Singh v Ors* [1991] 2 MLJ 112 menyatakan:

> that since committal proceedings are quasi criminal proceedings and the liberty of the subject is involved, the procedural rules must be strictly enforced.

Pada ms 114 KC Vohrah H menambah,

> The statement that is required to be filed has to set out the name, designation and address of the person

[4] Salah satu perkara yang asas, yang wajib dipatuhi dan perlu dinyatakan di dalam pernyataan di bawah A 52 k 2(2) KMT ialah nama dan perihal pemohon; nama, perihal dan alamat responden.

[5] Saya telah meneliti pernyataan (kandungan 2) yang difailkan oleh pemohon di bawah A 52 k 2(2) KMT. Saya mendapati pernyataan tersebut tidak mematuhi kehendak A 52 k 2(2) kerana ia tidak langsung menyatakan, 'the name and description of the applicant, the name, description and address of the person sought to be committed'. Butir-butir ini adalah mandatori dan

mestilah dinyatakan di dalam pernyataan tersebut dan bukan dengan hanya menamakan United Malacca Rubber Estates Bhd sebagai pemohon dan Pentadbir Tanah Alor Gajah sebagai responden.

[6] Peguam pemohon menghujahkan bahawa responden telah mempunyai notis yang secukupnya untuk mematuhi perintah mahkamah tersebut. Malangnya apabila ditanya samada perintah tersebut telah diserahkan kepada responden, beliau tidak dapat menunjukkan sebarang bukti penyerahan. la hanya mampu menyatakan bahawa pemohon telah menulis banyak surat kepada responden. Bagaimanapun saya mendapati tidak ada sebarang surat kepada responden yang dieksibitkan sebagai bukti bahawa salinan perintah mahkamah tersebut telah diserahkan kepada responden.

[7] Saya berpendapat perintah mahkamah tersebut hendaklah diserahkan kepada responden terlebih dahulu sebelum responden boleh dikatakan mempunyai niat dengan sengaja mengingkari perintah mahkamah tersebut. Penyerahan perintah mahkamah ini adalah perlu memandangkan asas permohonan pemohon ialah bahawa responden enggan membayar award tambahan dan dengan itu telah melakukan penghinaan kepada mahkamah.

The Supreme Court Practice (1997) Vol 1 dalam perenggan 52/3/1 ms 838 menyatakan:

> No order will normally be issued for the committal of a person unless he has been personally served with the order, disobedience of which, is said to constitute the contempt.

[8] Akhir sekali saya ingin merujuk kepada terma-terma perintah mahkamah tersebut:

(1) Pertama mengenai tuntutan pemohon terhadap bayaran faedah ke atas award tambahan sebanyak RM744,990.34. Perintah mahkamah mengenai bayaran faedah adalah seperti berikut

> Dan selanjutnya diperintahkan bahawa faedah pada kadar 8% dikenakan atas kenaikan sebanyak tiga bulan dari tarikh penyampaian award.

(i) Pemohon, di dalam afidavit sokongannya menyatakan faedah tersebut ialah pada kadar 8% setahun mulai dari tarikh terakhir, iaitu 4 Januari 1996 (tiga bulan selepas 4 Oktober 1995).

(ii) Saya mendapati kenyataan di dalam affidavit sokongan permohonan ini tidak disokong oleh perintah mahkamah tersebut kerana tidak ada perintah mahkamah bahawa kadar faedah ialah 8% setahun.

(iii) Pada saya perintah mengenai bayaran faedah ini adalah tidak jelas, mengelirukan dan sukar difahami. Ini kerana; (i) perkataan 'setahun' selepas angka '8%' tidak dinyatakan di dalam perintah tersebut; (ii) perkataan 'sebanyak tiga bulan' di dalam perintah tersebut adalah kabur dan tidak memberikan makna yang jelas. Tanpa perintah yang jelas kita tidak akan dapat menentukan amaun tunggakan faedah yang tepat. Pemohon sepatutnya membetulkan kecacatan di dalam perintah tersebut dahulu dengan membuat pindaan sewajarnya sebelum membuat permohonan ini.

(2) Kedua, adakah perintah mahkamah berkaitan dengan bayaran sejumlah wang yang tidak menetapkan tempoh masa bayaran boleh dikuatkuasakan melalui perintah komital?

(i) Aturan 45 KMT memperuntukkan lima cara untuk menguatkuasakan penghakiman berkaitan dengan perintah bagi bayaran sejumlah wang. Salah satu caranya ialah melalui perintah komital (A 45 k 5). Remidi di bawah A 45 KMT ini bagaimanapun tidak menjejaskan hak seseorang untuk menguatkuasakan penghakiman di bawah Debtors Act 1957 atau mana-mana undang-undang bertulis berkaitan dengan bankrupsi atau penggulungan syarikat [A 45 k 1(3)]. Permohonan untuk menguatkuasakan penghakiman di bawah A 45 k 5 KMT adalah terpakai kepada keadaan spesifik sahaja.

(ii) Aturan 45 k 5 KMT adalah seperti berikut:

5(1) Where -

(a) a person required by a judgment or order to do an act within a time specified in the judgment or order refuses or neglects to do it within that time or, as the case may be, within that time as extended or abridged under O 3 r 5; or

(b) a person disobeys a judgment or order requiring him to abstain from doing an act,

then, subject to the provisions of these rules, the judgment or order may be enforced by one or more of the following means, that is to say

(i) with the leave of the court, an order of committal;

(ii) where that person is a body corporate, with the leave of the court, an order of committal against any director or other officer of the body;

(iii) subject to the provisions of the Debtors Act 1957, an order of committal against that person or, where that person is a body corporate, against any such office.

(iii) Adakah perintah mahkamah di dalam kes ini menetapkan tempoh masa bagi responden membuat bayaran award tambahan tersebut? Saya berpendapat tidak. Ini kerana perintah tersebut tidak ada menetapkan masa bayaran mesti dijelaskan. Permohonan ini sendiri difailkan hampir tujuh tahun selepas penghakiman dibuat. Oleh itu permohonan ini adalah di luar skop A 45 k 5 KMT. *The Supreme Court Practice*, perenggan 45/1/3 pada ms 737 menyatakan seperti berikut:

> A judgment or order for payment of money to a person may be enforced by any of the six methods listed in para (O 45 r 1). On the other hand, if the judgment or order does not and as a general rule it will not, specify a time for payments of the money to a person, the methods of enforcement by way of an order of committal will not be available.

(iv) Saya menyedari bahawa pemohon di dalam kes ini berhadapan dengan situasi yang agak rumit memandangkan bahawa responden ialah Pentadbir Tanah, iaitu satu jawatan yang diwujudkan di bawah Kanun Tanah Negara dan merupakan orang yang diberikan kuasa di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960. la bukan seorang individu. la juga bukan merupakan satu jabatan di dalam kerajaan Negeri atau Persekutuan. Individu yang mengisi jawatan tersebut adalah berubah dari masa ke semasa. Permohonan ini sendiri bukan terhadap pegawai yang membuat award tersebut.

(v) Bagaimanapun peguam pemohon berhujah, atas autoriti *Re M* [1993] 3 WLR 433 bahawa perintah komital kerana penghinaan Mahkamah boleh diambil terhadap responden di dalam kes ini. Beliau merujuk kepada ms 434, perenggan 2, di mana House of Lords memutuskan seperti berikut:

> That although a finding of contempt of court could not be made against the crown directly, such a finding could be made against a government department or a minister of the crown in his official capacity.

(vi) Fakta di dalam kes *Re M* adalah berbeza. Di dalam kes tersebut, Setiausaha Negara United Kingdom telah menolak permohonan M (seorang warganegara Zaire) untuk suaka politik. Berikutan dengan penolakan tersebut M telah diberitahu bahawa ia akan dihantar pulang.

(vii) M kemudian memfailkan permohonan baru ke Mahkamah untuk kebenaran memfailkan ulangkaji kehakiman (judicial review) setelah permohonan pertamanya ditolak.

(viii) Pada masa permohonan tersebut dibuat M telah dihantar pulang dan penerbangannya singgah di Paris. Mahkamah telah mengeluarkan perintah injunksi ex parte supaya M di bawa balik untuk

pendengaran permohonannya. Perintah ini tidak dipatuhi oleh Setiausaha Negara UK. M kemudian memfailkan permohonan komital terhadap Setiausaha Negara U.K. kerana menghina mahkamah. Permohonannya telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi tetapi Mahkamah Rayuan telah membenarkan rayuannya dan memutuskan bahawa Setiausaha Negara UK didapati bersalah kerana menghina Mahkamah. Setiausaha Negara UK, telah merayu kepada House of Lords tetapi rayuannya telah ditolak.

(ix) Kes *Re M* adalah berbeza kerana perintah di dalam kes tersebut adalah mengenai perintah injunksi dan bukan perintah mengenai bayaran sejumlah wang di mana tempoh masa bayaran tidak ada ditetapkan.

[9] Atas alasan-alasan di atas, permohonan pemohon adalah ditolak tetapi tanpa kos memandangkan ini ialah permohonan ex parte.

Permohonan pemohon ditolak tanpa kos.

Reported by Sally Kee